



Kemala Indonesia

## Bentuk – Bentuk Program Pembangunan Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Terhadap Orang Asli di Malaysia

Nurul Islam Mohd Isa, Zulkefli Aini

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
E-mail: nurulislam@siswa.ukm.edu.my; zulaini@ukm.edu.my

**Abstrak** – Pelbagai pelan pembangunan pendidikan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia melalui KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) bagi membangunkan pendidikan rakyat Malaysia agar setaraf dengan pendidikan di peringkat antarabangsa. Dalam pelan pembangunan ini juga terdapat pelbagai program pembangunan pendidikan yang turut direncanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membangunkan pendidikan masyarakat Orang Asli yang juga merupakan rakyat di negara ini. Persoalannya apakah bentuk-bentuk program pembangunan pendidikan tersebut? Oleh itu, kertas kerja ini telah diwujudkan bagi mengenpasti tentang bentuk-bentuk program pembangunan pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk Orang Asli. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan berdasarkan buku-buku, laporan, dokumen, jurnal, tesis, artikel dan seumpamanya. Kajian ini menggunakan kaedah analisis secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan program pembangunan pendidikan murid Orang Asli Kementerian Pendidikan Malaysia ini memberi impak positif kepada kadar pengurangan keciciran murid Orang Asli dan meningkatkan kadar penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan murid dan ibu bapa Orang Asli.

**Kata kunci:** Pendidikan, Program Pembangunan Pendidikan Murid Orang Asli, KPM

### I. Pendahuluan

Pendidikan juga merupakan elemen penting dalam pertumbuhan ekonomi (Doris et al., 2012:1215) bagi menentang kemiskinan di samping membina demokrasi dan membentuk masyarakat sejahtera (Affizal Ahmad, 2008 dalam Preston dan Elo, 1996). Pendidikan yang berkualiti sangat diperlukan oleh setiap individu dalam mendapatkan kuasa, hak bersuara, mendedahkan potensi diri mereka, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan dan pemikiran mereka kepada dunia tanpa sempadan (Affizal Ahmad, 2008 dalam Tribus, 1992). Pendidikan juga adalah antara jalan penyampaian dakwah kepada masyarakat manusia. Pendidikan yang dijalankan mestilah berpaksikan al-Qur'an dan as-Sunnah dalam membangunkan ilmu, manusia dan kehidupan yang lebih berkualiti (Hussin et al., 2010) . Dengan adanya ilmu dalam kehidupan akan membolehkan individu atau sesebuah institusi itu dapat membuat keputusan yang tepat (Hussin et al., 2010 dalam Wan Hassan, 2007) dalam urusan yang dilakukan. Maka pendidikan adalah aspek penting bagi mengubah kehidupan mereka ke arah jalan hidup yang sejahtera dan diredaya Allah. Berdasarkan kajian Badlihisham (2010:2), pada peringkat awal kedatangan Islam ke alam Melayu, ulamak-ulamak umumnya memainkan peranan penting dalam pendidikan dengan berlakunya penyuburan tradisi pendidikan Islam di Melaka. Hal ini menunjukkan pendidikan juga adalah amat penting dalam misi dakwah.

Kerajaan Malaysia sendiri telah membelanjakan peruntukan yang sangat besar bagi memajukan pendidikan rakyat di negara ini. Sebagai buktinya Malaysia telah menduduki tangga ke-16 dari 102 negara yang lain dalam laporan kajian perbandingan antara negara tertinggi membelanjakan peruntukan untuk pembangunan pendidikan bagi tahun

2008 sebagai sebuah negara yang tertinggi mengeluarkan perbelanjaan pendidikan apabila seluruh perbelanjaan pendidikan dalam negara digabungkan dan seawal tahun 1980 lagi perbelanjaan Malaysia untuk pendidikan rendah dan menengah dalam peratus KDNK adalah tertinggi di Asia Timur serta pada tahun 2011 pula, peratus KDNK bagi pendidikan Malaysia adalah lebih tinggi daripada purata OECD, iaitu 3.8% berbanding 3.4% (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025:23 & 67).

Seluruh rakyat Malaysia berhak untuk menerima pendidikan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyarankan pendidikan wajib bagi semua kanak-kanak di bawah umur 12 tahun di bawah Dasar Pendidikan Wajib yang berkuatkuasa mulai tahun 2003 (Seksyen 29A Akta Pendidikan 1996/Akta 550) (Saipo Ayub, 2015:57). Merujuk kepada komuniti pribumi kecil di Malaysia, masyarakat Orang Asli juga turut memiliki hak yang sama dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna walau pun mereka hidup terasing daripada masyarakat arus perdana (Suhaimi Safari, 2012:59). Oleh itu, masyarakat Orang Asli turut menjadi sebahagian daripada tumpuan dalam rancangan Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Dasar Pendidikan Untuk Murid Orang Asli dan Penan sebagai tanda prihatin kerajaan Malaysia terhadap pembangunan hidup masyarakat Orang Asli supaya anak-anak Orang Asli dan Penan ini mendapat pendidikan asas agar mereka juga dapat memberi sumbangan kepada negara (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012 :23). Antara inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membawa perubahan hidup masyarakat Penan dan Orang Asli secara khususnya ke arah kehidupan yang lebih baik dan sejahtera adalah dengan mewujudkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP), Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9), Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025: 87; Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012:23) dan Penerapan bahasa peribumi dan bahasa minoriti lain dalam kurikulum (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025: 87).

## II. Pernyataan Masalah

Walaupun di Semenanjung Malaysia enrolmen dalam kalangan murid Orang Asli terus meningkat, prestasi akademik sekolah Orang Asli tidak menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014 menunjukkan prestasi sekolah Orang Asli merosot pada gred purata 3.77 pada tahun 2014 daripada 3.73 pada tahun 2012 dan 2013, jauh ketegalan jika dibandingkan dengan prestasi sekolah rendah yang lain. Secara purata, seorang murid di sekolah Orang Asli memperoleh skor 37 mata lebih rendah dalam kertas peperiksaan UPSR berbanding rakan mereka di sekolah lain. Lebih separuh murid Orang Asli menamatkan enam tahun pendidikan tanpa menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) (Laporan Tahunan PPPM, 2014). Dalam Laporan Tahunan PPPM 2015, kadar enrolmen di peringkat rendah meningkat namun semakin menurun apabila ke peringkat menengah walau pelbagai program untuk pembangunan murid Orang Asli telah dilaksanakan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Berdasarkan kajian (Ramle&Faridah, 2012; Wan Afizi et.al, 2014; Mazdi Marzuki et.al, 2014) antara faktor utama kepada kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah faktor ekonomi, geografi dan budaya serta persekitaran yang tidak menggalakkan. Merujuk kepada Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2012), statistik mengenai keberhasilan murid kumpulan peribumi dan minoriti di sekolah kebangsaan selain murid Orang Asli agak terhad maka bahagian ini telah menumpukan kepada prestasi sekolah rendah yang majoritinya murid Orang Asli. Kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan Orang Asli menyebabkan hasil pendidikan dalam kalanagn mereka agak rendah berbanding purata peringkat kebangsaan. Hanya 30% murid Orang Asli menamatkan sekolah menengah, iaitu kurang daripada separuh purata peringkat kebangsaan iaitu 72%. Berbanding purata peringkat kebangsaan, iaitu 87% hanya 61% murid SK Asli lulus mata pelajaran teras dalam peperiksaan UPSR. Hanya 1% sekolah kebangsaan berada dalam band sekolah berprestasi rendah (Band 6 dan Band 7) berbanding 35% SK Asli (Ekhibit 4-9). Terdapat beberapa faktor yang mengekang akses murid Orang Asli untuk mencapai pendidikan berkualiti. Pertama, kadar kemiskinan yang tinggi dan kecenderungan untuk hidup di kawasan pedalaman menyebabkan ramai murid Orang Asli tidak menerima pendidikan prasekolah dan memulakan asas literasi dan numerasi yang rendah semasa Tahun 1. Selain itu, Bahasa Malaysia bukanlah bahasa ibunda bagi kebanyakan murid Orang Asli yang turut menjadi penghalang kepada pembelajaran. Kedua, pemimpin sekolah dan guru melaporkan program latihan sedia ada tidak dapat menyediakan mereka dengan secukupnya untuk berdepan dengan kompleksiti komuniti ini. Pemimpin sekolah dan guru menghadapi kesukaran membantu murid ini, seperti berintegrasi dengan rakan sebaya yang bukan daripada kalangan mereka dan meyakinkan mereka tentang pentingnya tindakan meneruskan pendidikan asas dan lanjutan. Menurut kajian lain oleh Doris et al. (2012), kewangan merupakan antara faktor keciciran dalam kalangan murid Orang Asli.

Selain itu, melihat kepada Laporan Tahunan PPPM 2015, tahap kehadiran murid ke sekolah berada di bawah 80% iaitu KPI kebangsaan yang telah ditetapkan. Segelintir keluarga di kawasan sekitar turut mengalami masalah keciciran murid disebabkan oleh faktor geografi tempat tinggal murid yang jauh di seberang Tasik Chini yang memerlukan murid melalui jalan darat dan air untuk ke sekolah turut menyumbang kepada tahap kehadiran murid yang rendah. Permasalahan ini turut disokong oleh kajian Mazdi Marzuki et al. (2014), yang menyatakan bahawa pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman berhadapan dengan masalah aksesibiliti ke sekolah kerana jarak sekolah yang jauh

dari kawasan kediaman di tambah pula dengan kualiti jalan raya yang rendah akibat tidak sempurna diturap, berselit, separuh berturap dan di setengah tempat masih menggunakan jalan batu dan tanah merah menyebabkan pelajar ke sekolah dalam keadaan tidak selesa. Begitu juga dengan kelemahan sumber pengangkutan. Menurut beliau lagi masalah aksesibiliti pelajar Orang Asli dalam melakukan perjalanan ke sekolah amat perlu untuk di atasi bagi mengurangkan masalah keciciran pendidikan dalam kalangan mereka.

Merujuk kepada Laporan Tahunan PPPM 2015 lagi, berdasarkan kajian di tiga sekolah Orang Asli di Bera, Pahang, kadar kehadiran murid pada tahun 2014 adalah 70% juga masih di bawah KPI kebangsaan, Faktor kepada permasalahan ini adalah kerana kurangnya persekitaran pembelajaran yang kondusif termasuk fokus kepada peperiksaan, kurangnya pemahaman dalam kemahiran guru dalam menangani cabaran pembelajaran murid Orang Asli, kurangnya sokongan ibu bapa dan kurangnya penekanan terhadap pendidikan mengikut budaya masyarakat Orang Asli. Menurut kajian Wan Afizi et al. (2014), faktor budaya dan persekitaran yang kuat antara faktor keciciran dalam kalangan murid Orang Asli. Kesannya mereka kerap tidak hadir ke sekolah dan ketinggalan dalam pembelajaran. Selain itu terdapat lagi faktor-faktor lain yang dijelaskan oleh beliau yang menyumbang kepada keciciran murid Orang Asli dari sekolah.

### **III. Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Data kajian diperoleh melalui kajian ke atas buku-buku, dokumen-dokumen, data-data, laporan-laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 serta kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan dalam bentuk tesis, artikel mahu pun jurnal. Data-data yang dikaji menumpukan kepada pencapaian murid Orang Asli dan juga data-data berkaitan program dan pencapaian program pembangunan pendidikan murid Orang Asli Malaysia.

### **IV. Bentuk – Bentuk Program Pembangunan Pendidikan Murid Orang Asli KPM**

Dalam Bab 4 dengan tajuk Pembelajaran Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyenaraikan beberapa program inisiatif bagi mengatasi masalah keciciran dalam pendidikan di kalangan masyarakat Orang Asli. Perkara yang sama turut dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 4 dengan tajuk Ekuiti dan Pendidikan dalam Laporan Tahunan PPPM 2013 di bawah tajuk Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli 2013-2017. Antara program-program yang telah disusun dan dirangka secara khusus untuk membangunkan dan memajukan pendidikan kumpulan minoriti ini adalah seperti program Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP), Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) (Ting Len Siong et al. 2012:126) dan Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) (Laporan Tahunan PPPM, 2013 ; Laporan Awal PPPM 2013-2025, September 2012; Ramlah, 2009; Mustaffa et al., 2012; Suhaimi, 2012; Rosli et al., 2009; Norwaliza, 2014; Sharifah, et al., 2011; Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012:23).

#### *4.1 Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli Dan Penan (KAP)*

Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP) merupakan salah satu usaha dan keprihatinan kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid Orang Asli di samping sebagai salah sebuah program pembangunan pendidikan terawal berbanding dua program pembangunan pendidikan Orang Asli yang lain. Program ini secara khusus ditumpukan kepada murid Orang Asli Semenanjung Malaysia dan kaum Penan di Sarawak. Bagi murid Orang Asli, KAP dikhususkan kepada sekolah murid 100% Orang Asli sahaja dengan mengutamakan unsur *learning is fun* (Norwaliza 2014; Rosli et.al 2009; Mustaffa et.al 2012). Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2007 yang bertujuan untuk meningkatkan kehadiran murid ke sekolah. Program ini juga dibina berteraskan Kurikulum Bersepadau Sekolah Rendah (KBSR) (Laporan Tahunan PPPM 2013; Mustaffa et.al 2012; Rosli et.al 2009; Norwaliza 2014; Sharifah et.al 2011) melalui beberapa pengubahsuaian dari segi kandungan, kemahiran dan penilaian serta pendekatan pengajaran dan pembelajaran (P&P) berdasarkan pengalaman, persekitaran, dan sosiobudaya murid Orang Asli dan Penan itu sendiri (Mustaffa et.al 2012; Rosli et.al 2009; Norwaliza 2014; Sharifah et.al 2011) dengan menggunakan pendekatan *Minimum Adequate Syllabus* iaitu sukanan pelajaran minimum dan kurikulum yang mengikut konteks komuniti Orang Asli dan Penan(Rosli 2009; Laporan Tahunan PPPM 2013; Laporan Awal PPPM 2013-2025 September 2012). Sehingga hari ini telah terdapat 20 buah sekolah yang telah dipilih bagi melaksanakan program ini. 14 sekolah melibatkan murid Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan lapan lagi bagi murid Penan di Sarawak (Rosli et.al 2009; Norwaliza 2014; Ramlah 2009) . Antara sekolah yang dijalankan KAP di Semenanjung Malaysia adalah Sek. Keb. Sungai Mas, Sg. Lembing, Kuantan ;Sek.Keb Tanah Abang, Mersing; Sek. Keb. Bust Baru, Kuala Langat dan Sek.Keb. Sg. Sampo, Bandar Seri Jempol,

Negeri Sembilan. Ke enam-enam sekolah ini merupakan sekolah rintis terawal yang mula dilaksanakan pada Mac 2007. Seterusnya, pada tahun 2008, lapan lagi sekolah dipilih di Semenanjung seperti Sek. Keb. Sungai Tiang, Sek. Keb. Porwor, Sek. Keb. Senibai, Sek. Keb. Lemoi, Sek. Keb. Tohoi, Sek. Keb. Kudong, Sek. Keb. Sungai Pergam dan Sek. Keb. Kevok, Sek. Keb. Long Luteng, Sek. Keb. Long Sait, Sek. Keb. Lusung Laku dan Sek. Keb. Jekitan dan enam buah lagi adalah untuk kaum Penan di Sarawak.

Menurut Ramlah Abdul Rahman (2009) iaitu Penyelaras KAP, IPGMKTA, justifikasi penggubalan dan pelaksanaan KAP adalah disebabkan oleh kadar kecinciran dan ketidakhadiran murid Orang Asli dan Penan yang sangat tinggi, penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) murid Orang Asli dan Penan sangat minimum, motivasi yang rendah untuk hadir ke sekolah dalam kalangan murid Orang Asli dan Penan kerana aktiviti persekitaran yang lebih menarik minat mereka, kurang penekanan terhadap kepentingan pendidikan dalam kalangan murid Orang asli dan Penan, Kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran kurang mengambil kira keperluan khusus murid Orang Asli dan Penan dan cepat lupa akan apa yang dipelajari. Selain itu, matlamat KAP juga adalah untuk melahirkan murid Orang Asli dan Penan yang berpengetahuan, berkemahiran, berakhhlak mulia, mencintai alam persekolahan dan sosiobudaya mereka serta dapat menyesuaikan diri dengan sosiobudaya negara ini. Maka objektif KAP adalah untuk membolehkan murid Orang Asli dan Penan ini agar dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira, berminat hadir ke sekolah, mempraktikkan amalan kebersihan, kesihatan dan keselamatan, berinteraksi dengan masyarakat setempat dan masyarakat luar untuk melahirkan perpaduan dan keharmonian, bersikap positif dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari dan memahami sosiobudaya setempat dan negara.

Program KAP hanya dilaksanakan di sekolah rendah sahaja yang melibatkan sekolah 100% murid Orang Asli dan Penan selama enam tahun bermula dari Tahun 1 sehingga Tahun 6. Merujuk kepada laporan Ramlah (2009) lagi, pendekatan pengajaran dan pembelajaran mengikut modul KAP, penekanan pada Tahap I memberi penekanan kepada kesediaan menghadapi alam persekolahan, persediaan sosio-emosi dan kemahiran 3M. Manakala penekanan pada Tahap II adalah kepada pengukuhan kemahiran asas, memperoleh ilmu dalam pelbagai bidang ilmu mengikut mata pelajaran yang diajar. Setiap modul dilengkapi dengan panduan guru, tema dan sub tema pengajaran pembelajaran. Kaedah pembelajaran KAP menekankan pengajaran pembelajaran berpusatkan murid. Guru juga digalakkan menggunakan pelbagai strategi seperti pembelajaran menyeronokkan, pembelajaran masteri, pembelajaran akses kendiri, belajar cara belajar, pedagogi peribumi dan kaedah *multigrade*.

Penilaian murid melalui KAP adalah berdasarkan objektif hasil. Tahap I bagi Modul 1 hingga Modul 4 menekankan agar murid kerap hadir ke sekolah, murid dapat menguasai kemahiran psikomotor untuk awal 3M, menguasai kemahiran pra baca, pra tulis dan pra nombor, menguasai kemahiran 3M dan dapat mengamalkan nilai murni dan warisan budaya. Merujuk kepada modul Tahap II pula, terdapat 9 mata pelajaran yang menekankan kepada pencapaian hasil pembelajaran, menguasai kemahiran 3M, boleh mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah, memperoleh pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai mata pelajaran dan dapat mengamalkan nilai murni dan budaya alam kehidupan harian.

Dalam konteks pencapaian murid melalui program ini (dalam Ramlah 2009), dari aspek akademik, didapati murid-murid lebih cepat menguasai kemahiran membaca dan menulis. Murid Tahun 1, boleh mengikuti pembelajaran dan sebahagian besar murid sudah menguasai kemahiran membaca dan menulis. Dari aspek sosio-emosi, murid-murid lebih stabil dan mudah menerima perubahan atau perkara-perkara baru, iaitu perubahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid sangat gembira apabila dibawa oleh guru ke luar kelas semasa proses pengajaran pembelajaran untuk melakukan aktiviti luar kelas. Pembelajaran juga berlaku secara aktif. Selain itu, berdasarkan penilaian pencapaian PKSR 2 2009, bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, didapati murid-murid Tahun 3 mencapai tahap cemerlang kerana hanya seorang sahaja yang mendapat Gred B tetapi bagi murid-murid Tahun 1 dan 2, masih ramai murid yang belum mencapai gred cemerlang. Sebagai tambahan, menurut Suhaimi (2012), peratus kehadiran pelajar Orang Asli ke sekolah adalah melebihi tahap 50%. Pelajar-pelajar KAP juga lebih yakin untuk bercakap, berani menjawab soalan-soalan yang diberikan, dan tidak malu berhadapan dengan pelawat. Tambahnya lagi, KAP juga telah berjaya menarik penglibatan ibu bapa yang aktif dalam beberapa program yang dijalankan oleh pihak sekolah seperti turut memandikan anak dengan bimbingan guru. Dalam aspek penguasaan 3M pula, seramai 75 orang atau 58 % pelajar Orang Asli di sekolah rintis telah menunjukkan pencapaian penguasaan kemahiran 3M. Dalam Laporan PPPM 2013 turut menunjukkan setelah enam tahun pelaksanaan KAP, terdapat peningkatan band bagi 3 dari 6 buah sekolah rintis KAP dari tahun 2011 sehingga tahun 2013.

#### 4.2 Kelas Dewasa Orang Asli Dan Peribumi (KEDAP)

Kelas Dewasa Orang Asli dan Pribumi (KEDAP) merupakan program pendidikan yang tidak formal .Terdapat dua badan yang menjalankan KEDAP, iaitu Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (Halif & Ramlee, 2016:80). Pada Mac 2008, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) di sekolah-sekolah murid Orang Asli. KEDAP KPM pada awalnya dinamakan Program Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Penan. Antara matlamat pelaksanaan program pembangunan ini adalah untuk membasmi buta huruf di kalangan masyarakat Orang Asli, penguasaan kemahiran asas

3M, menggalakkan anak-anak ke sekolah, membantu anak-anak dalam bidang pelajaran di rumah dan meneruskan usaha kerajaan membasmi kemiskinan tegar menerusi agenda pendidikan (Aminuddin Mohamed et al., 2010; Mohd Rosdi et al., 2009; Laporan PPPM, 2013). Sekolah yang dipilih untuk melaksanakan program KEDAP adalah sekolah 100% murid Orang Asli dan Penan dan sekolah-sekolah pedalaman Sabah dan Sarawak. Sehingga kini terdapat 70 buah sekolah yang telah dipilih bagi menjalankan program KEDAP (BPSH, 2016). Berdasarkan rujukan kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH, 2016) lagi, Kumpulan yang disasarkan bagi mengikuti program ini adalah peserta yang terdiri daripada warga negara Malaysia berketurunan Asli atau prebumi dan pedalaman Sabah dan Sarawak, ibu bapa atau penjaga (pelajar dewasa) yang mempunyai anak atau jagaan yang masih bersekolah di sekolah yang melaksanakan KEDAP, ibu bapa atau penjaga yang celik huruf dan menguasai kemahiran asas 3M, peserta KEDAP berusia antara 20 hingga 60 tahun, pelajar dewasa adalah suami atau isteri atau wakil sebuah keluarga yang dibenarkan menyertai program KEDAP, jumlah maksimum pelajar dewasa adalah 25 orang bagi setiap satu kelas KEDAP (Aminuddin Mohamed, 2012; BPSH, 2016; Mohd Rosdi, 2009) yang dijalankan sama ada di negeri Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak, Pahang Selangor dan Terengganu. Manakala di Sabah dan Sarawak adalah 26 orang pelajar dan pemilihan peserta pula dikelolakan oleh pihak sekolah di bawah seliaan pihak JPN atau PPD dengan kerjasama pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan pemimpin atau ketua masyarakat setempat. Sebagai tambahan lagi, objektif program ini adalah agar pelajar dewasa dapat meningkatkan tahap penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira di samping supaya pelajar dewasa dapat hadir ke kelas pada tahap 86% sepanjang program diadakan.

Selain itu merujuk kepada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH, 2016), Kaedah pelaksanaan program KEDAP adalah dengan menggunakan Kurikulum KEDAP 2.0 yang meliputi asas kemahiran Bahasa Inggeris dan Asas Kemahiran Teknologi Maklumat serta Modul Pengajaran dan Pembelajaran yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Di samping itu, melihat kepada pengurusan kelas, waktu pengajaran dan pembelajaran hanyalah 2 jam sehari, 3 hari seminggu yang tertakluk kepada jumlah maksimum 25 minggu atau 75 hari belajar yang bersamaan 150 jam dalam setahun. Pihak sekolah turut dilarang mengadakan lebih daripada 3 hari kelas KEDAP dalam seminggu. Sebarang perubahan pula mesti dilaporkan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau BPSH. Manakala catatan pengajaran dan pembelajaran adalah selaras seluruh negara. Bagi model pembelajaran pula, kelas dilaksanakan pada sesi petang iaitu selepas waktu persekolahan dan pelaksanaan kelas di sebelah malam adalah bergantung pada persetujuan guru dan pelajar dewasa serta mengutamakan soal keselamatan. Guru yang mengajar KEDAP mestilah di luar waktu bekerja nya. Kelas yang dilaksanakan tahun 2016 adalah bermula Mac 2016 sehingga minggu terakhir Oktober 2016. Guru dan pelajar turut diberikan elauan (BPSH, 2016; Sharifah et al., 2011:50; Mohd Rosdi, 2009; Aminuddin Mohamed, 2012) oleh KPM.

Melalui hasil kajian dan laporan tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) menunjukkan peningkatan jumlah penyertaan ibu bapa murid Orang Asli dalam program KEDAP dari tahun 2008 sehingga 2013 iaitu sebanyak 18,195 orang pada tahun 2013 berbanding para peringkat awalnya pada tahun 2008 iaitu sekadar 550 orang sahaja (Laporan Tahunan PPPM, 2013) di samping pertambahan kelas 119 kelas KEDAP pada tahun 2015 berbanding 109 kelas yang dibuka pada tahun 2014 (Laporan Tahunan PPPM, 2015). Kadar kehadiran ibu bapa Orang Asli dan peribumi sangat menggalakkan iaitu 95% mengatasi sasaran kehadiran 92%. Manakala ibu bapa yang berjaya menamatkan program akan dianugerahkan sijil dalam satu majlis graduasi peringkat kebangsaan anjuran Jabatan Kebajikan Orang Asli (JAKOA). Di Gua Musang pula, pada tahun 2014, hasil perluasan program KEDAP di sembilan buah sekolah rendah dengan bilangan ibu bapa seramai 270 orang telah berjaya melahirkan ibu bapa yang menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Kejayaan ini dapat membantu pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Hasilnya boleh dilihat berdasarkan keputusan UPSR 2015, GMPM Sains telah meningkat sebanyak 22.51% kepada 3.58 dan lebih membanggakan tiada lagi sekolah Orang Asli di daerah Gua Musang yang berada pada band 7 (Laporan Tahunan PPPM, 2015). Berdasarkan kajian Sharifah et al. (2011:50) juga, merujuk kepada guru-guru yang mengajar KEDAP, para pelajar KEDAP menunjukkan tindak balas positif apabila mereka lebih berkeyakinan dalam komunikasi dengan guru dan mereka turut banyak bertanya dan memberi cadangan di dalam kelas di samping menjaga penampilan dan pemakaian ketika melawat anak-anak mereka di sekolah. Selain itu menurut beliau lagi, ibu bapa yang mengikuti kelas KEDAP mampu untuk memotivasi anak-anak mereka untuk belajar bersungguh-sungguh dan mengambil peluang untuk belajar berbanding mereka yang tidak pernah berpeluang untuk belajar sebelum ini. Anak-anak mereka turut bermotivasi untuk ke sekolah apabila ibu bapa mereka juga ke sekolah. Hal ini menunjukkan kehadiran ibu bapa ke kelas KEDAP adalah sangat penting kerana kadar kehadiran akan menentukan kadar kecinciran dan pencapaian murid Orang Asli di sekolah.

#### *4.3 Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9)*

Sehingga tahun 2015, terdapat tujuh buah sekolah yang telah dilaksanakan program ini sejak tahun 2008 program ini telah dilaksanakan di seluruh negara dengan jumlah guru seramai 265 orang dan bilangan murid seramai 3,240 orang. Antara senarai sekolah K9 adalah SK Bndar 2 di Pekan, Pahang yang menjadi sekolah terawal dilaksanakan program ini pada tahun 2008. Seterusnya pada tahun 2012 SK Long Bedian di Baram Sarawak dan SK RPS Pos Kemar Hulu Perak,

Perak, SK RPS Banun Hulu Perak, Perak dan SK RPS Betau (JAHEO) di Lipis Pahang pada tahun 2013 serta yang terakhir tertubuh adalah pada tahun 2014 iaitu SK (Asli) Bukit Kemandol di Kuala Langat Selangor dan SK Pekan Pensiangan di Pensiangan Sabah (Laporan Tahunan PPPM, 2013; Laporan PPPM, 2014). Sebuah sekolah K9 telah dibina di Sabah, sebuah di Sarawak dan selebihnya di Semenanjung Malaysia bagi murid Orang Asli. Penubuhan sekolah ini adalah bagi mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid Orang Asli terutama apabila melibatkan peralihan dari Tahun 6 ke Tingkatan 1. Sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan asrama untuk murid. Sekolah ini juga menyediakan pendidikan dari Tahun 1 sehingga ke Tingkatan 3. Murid akan dipastikan mendapat sekurang-kurangnya 9 tahun pendidikan di sekolah ini (Laporan Tahunan PPPM, 2015; Laporan Tahunan PPPM, 2014; Laporan Tahunan PPPM 2013; PPPM 2013-2025 September 2012; Suhami 2012; Hidayah, 2015:25-41)). Selain itu terdapat empat sekolah K9 yang menawarkan Pendidikan Asas Vokasional bagi murid Orang Asli dan peribumi yang berusia 13 sehingga 15 tahun (Laporan Tahunan PPPM, 2015). Berdasarkan Laporan Tahunan PPPM 2014, terdapat seramai 3, 102 orang murid Orang Asli yang telah berdaftar di sekolah K9 pada masa kini. Kumpulan pertama adalah seramai 298 orang murid akan menamatkan sembilan tahun persekolahan yang disediakan di sekolah K9 pada tahun 2015.

Merujuk kepada pencapaian akademik Sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9), hasil menunjukkan peningkatan yang menggalakkan. Dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014, pencapaian Sekolah Orang Asli dan K9 meningkat dari gred purata 3.77 pada tahun 2014 kepada 3.65 pada tahun 2015 (dalam Ekshibit 3-15). Kadar penguasaan minimum bagi kertas dalam UPSR juga telah menunjukkan peningkatan signifikan daripada 41.2% pada tahun 2014 kepada 45.6% pada tahun 2015 (Ekshibit 3-16). Walau bagaimana pun, kadar penguasaan ini masih ketinggalan berbanding murid sebaya mereka pada tahap purata kebangsaan, iaitu 84.9%, yang menunjukkan tahap penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) yang rendah dalam kalangan murid Orang Asli. Berdasarkan perbandingan kadar lulus UPSR Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Orang Asli K9 2012-2015 menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua jenis sekolah ini dengan kadar lulus sekolah kebangsaan adalah sangat tinggi iaitu 84.9% berbanding sekolah Orang Asli K9 hanyalah 45.6% sahaja bagi tahun 2015 walau pun kedua-dua sekolah ini menunjukkan kadar peningkatan Namun begitu, terdapat juga sekolah K9 yang berada di Band 1 iaitu sebuah sekolah sahaja di SK Punan, Johor dan tiga lagi adalah di peringkat Band 2 iaitu sekolah SK Tasik Cini, Pekan (JAHEO), Pahang, SK Seri Sedohok, Johor dan SK Runchang, Pahang sebagai menunjukkan kadar tindak balas yang baik terhadap program K9 melalui prestasi ini pada tahun 2015. Sejumlah 74 buah sekolah yang lain adalah berada di kategori sederhana iaitu di Band 3,4 dan 5 yang menunjukkan peningkatan 13.8% daripada tahun 2014 (Laporan Tahunan PPPM, 2015 dalam Ehshibit 3-18). Baki 19 Sekolah lagi adalah di Band 6 dan 7.

## V. Kesimpulan

Program-program pembangunan pendidikan yang disediakan khusus untuk masyarakat Orang Asli amat membantu dalam mengatasi kadar keciciran yang tinggi dalam kalangan kumpulan minoriti ini. Program-program yang disediakan adalah sangat bersesuaian dengan keperluan dan situasi masyarakat Orang Asli dalam memajukan pendidikan mereka kerana mereka juga merupakan rakyat Malaysia yang turut mempunyai hak dalam mendapatkan pendidikan yang sempurna walau pun sebahagian besar mereka tinggal di tempat-tempat terpencil di luar bandar dan kemudahan atau aksesibiliti yang sukar untuk dicapai ke penempatan mereka. Oleh itu kerajaan dengan pelbagai usaha telah mewujudkan pelbagai program pembangunan bagi memelihara kebijakan serta menunaikan hak terhadap masyarakat Orang Asli, peribumi dan Penan yang antaranya seperti KEDAP, KAP dan K9 yang secara khusus 100% untuk murid Orang Asli. Pemantauan juga dilakukan oleh pihak kerajaan secara berterusan agar masyarakat Orang Asli di bumi Malaysia ini turut dapat menikmati pendidikan yang selesa dan terjamin.

Program-program pembangunan pendidikan yang dibangunkan ini juga mengikuti tahap penerimaan masyarakat Orang Asli dengan menyesuaikan pengisiannya berdasarkan sosiobudaya dan suasana masyarakat Orang Asli. Namun pengalaman dan pengetahuan guru tentang masyarakat Orang Asli juga memainkan peranan dalam proses pelaksanaannya. Demikian itu, para guru yang bakal atau sedang mendidik murid Orang Asli perlulah benar-benar memahami masyarakat dan murid Orang Asli agar program yang telah dibina ini dapat dijalankan dengan berkesan dan lebih baik pada masa akan datang. Secara keseluruhan, program-program ini telah berjaya membantu mengurangkan kadar keciciran dan meningkatkan kadar penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan masyarakat Orang Asli.

## Rujukan

1. Abdul Razaq Ahmad dan Zalizan Mohd Jelas (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perpektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Affizal Ahmad (2008). "Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera." *Dalam Malaysian Education Dean's Council Journal 2 :1-8.*
3. Aminuddin Mohamed, Mohamad Azhar Mat Ali, Mazlan Mohamad, Abd Shatar Che Abd Rahman, Mohd Rasdi Saamah, Abd Ghafar Jaafar & Sazali Yusof (2010). Program Kecemerlangan Pendidikan Murid Orang Asli SK Lanai: Kolaborasi antara Pusat Kecemerlangan Pedagogi

- Peribumi Kebangsaan dengan Rakan Lapangan. IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan. Kuala Lipis , Pahang DM. Kolokium Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Kurang Murid Orang Asli dan Penan 8-10 Ogos 2010 di IAB Genting Highland
4. Badlihisham Mohd Nasir (2010). Pendidikan Dalam Gerakan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education* 2(1),2010, 1-12
  5. Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman & Siti Hajar Idris (2012). Trasformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia. *Prosiding PERKEM VII, JILID 2*, hlm. 1215-1224
  6. Hajah Ramlah Abdul Rahman (2009). Projek Rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Orang Asli dan Penan (KAP). Institut Perguruan Maktab Tunku Ampuan Afzan (IPGMKTA).
  7. Halif Md Saleh dan Ramlee Mustapha (2016). Keberkesanan Program KEDAP KPM dan JAKOA dari Perspektif Pengurusan Program: Satu Perbandingan. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
  8. Hidayah Harun (2015). Motivasi, Sikap Terhadap Akademik dan Interaksi Sosial Pelajar Orang Asli di Sekolah Model Khas Komprehensif K9.Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana.
  9. Jabatan Peguam Negara (2006). Akta 134 Akta Orang Asli 1954 (Disemak-1974) mengandungi pindaan terkini – P.U. (B) 324/70
  10. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
  11. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan 2012
  12. Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013.
  13. Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2014.
  14. Kementerian Pendidikan Malaysia (2016). Laporan Tahunan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015.
  15. Kementerian Pelajaran Malaysia (2012).Dasar Pendidikan Kebangsaan.
  16. Mazdi Marzuki, Jabil Mapjabil & Rosmiza Mohd Zainol (2014). Mengupas Keciciran Pelajar Orang Asli Malaysia: Satu Tinjauan Ke Dalam Isu Aksesibiliti Sekolah. *Malaysia Journal of Society and Space*. 10(2):189-198
  17. Norani Mohd Ludin (2004). Masalah Penyesuaian Diri di Kalangan Pelajar Orang Asli di Sebuah Sekolah Rendah Berasrama di Pahang. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Sarjana Pendidikan
  18. Ramlee Abdullah, Wan Hasnah Wan Mamat, W.A.Amir Zal & Asmawi Mohamad Ibrahim (2013). Teaching and Learning Problems of The Orang Asli Education: Students' Perspective. *Asian Social Science*. 9(12):118-124
  19. Saipo Ayub (2015). Pendidikan Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia: Satu Pandangan. Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
  20. Sharifah Md.Nor, Samsilah Roslan, Aminuddin Mohamed, Kamaruddin Abu Hassan, Mohamad Azhar Mat Ali & Jaimah Abdul Manaf (2011). Dropout Prevention Initiatives for Malaysian Indigenous Orang Asli Children. *The International Journal on School Disaffection*
  21. Suhaими Safari, Wan Badruddin Wan Omar, Zainal Abidin Hj Ali, Aminuddin Mohamed, Ting Len Siong et al., Ramlee Abdullah dan Faridah Mat (pngr.). 2012. *Pendidikan dan Orang Asli dalam Arus Perdana*. Ramlee Abdullah, Mohamad Hafis Amat Simin, Azlina Abdullah dan Zurina Mansor (pnyt.). Universiti Sultan Zainal Abidin.
  22. Sarju, Hussin dan Hamzah, Rohana, dan Udin, Aminuddin (2010). Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya. Universiti Teknologi Malaysia.